

TEKS PERBAHASAN
PERSIDANGAN SIDANG MUDA PULAU PINANG 2022/23

N04 PERMATANG BERANGAN

Assalamualaikum w.b.t dan salam sejahtera.

Saya terlebih dahulu mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang di-Pertua yang memberi peluang kepada saya berucap walaupun dalam masa yang singkat. Ucapan saya pada hari ini akan berkisar mengenai beberapa perkara yang penting untuk diberi perhatian iaitu:

- **Mewujudkan semula Perkhidmatan Feri untuk kereta**
- **Penambahbaikan sistem Feri Pulau Pinang**

Pulau Pinang merupakan salah satu destinasi pelancongan, industri dan pertanian yang utama di dalam negara. Maka tidak hairanlah Pulau Pinang telah menyumbang sebanyak 7.1% peratus Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) pada tahun 2021 (Jabatan Perangkaan Malaysia). Sebagai negeri yang keenam menyumbang KDNK tertinggi. Ini menunjukkan negeri yang kita sayangi ini berkembang pesat dari aspek ekonominya setelah berjaya mengharungi cabaran yang agak sukar ketika wabak covid-19.

Namun, kepesatan ekonomi di Pulau Pinang juga disumbang kuat oleh sektor pelancongan. Perkhidmatan feri di Pulau Pinang ini telah bermula sejak 1970 dan sehingga ke tahun 2021 kita masih menggunakan feri yang sama. Jadi pada tahun lepas terdapat beberapa masalah yang dihadapi setelah 41 tahun menggunakan feri yang sama antaranya adalah kekerapan feri yang semakin berkurangan yang menyebabkan pengguna dan pengunjung terpaksa menunggu lama, kemudian apabila perkhidmatan feri yang digunakan oleh kenderaan kereta ditutup, alternatif ke Pulau Pinang semakin berkurang maka kesesakan di Jambatan Pulau Pinang semakin bertambah. Saya yakin dalam kalangan kita pernah menggunakan perkhidmatan feri untuk bergerak dari seberang ke pulau atau sebaliknya.

Bukan itu sahaja, pada hujung minggu juga, kesesakan yang luar biasa dihadapi oleh rakyat di Pulau Pinang terutamanya melibatkan tempat-tempat awam dan pelancongan. Kesesakan yang berterusan ini juga membawa kepada kerugian kepada kita dalam aspek produktiviti.

Kesesakan lalu lintas merupakan salah satu halangan utama kepada pembangunan ekonomi negara membangun, akibatnya dalam kesan sosial dan ekonomi yang teruk.

Oleh itu, saya ingin mencadangkan beberapa perkara kepada kerajaan negeri. Pertama, meneruskan usaha untuk mewujudkan semula Perkhidmatan Feri untuk kegunaan kenderaan kereta, ini kerana tindakan ini akan membuahakan manfaat yang baik sebagai contoh, kesesakan di Jambatan Pulau Pinang dapat dikurangkan, Feri di Pulau Pinang dapat dikekalkan sebagai mercu tanda kepada pelancong yang datang ke Pulau Mutiara ini.

Penambahbaikan sistem Feri Pulau Pinang

Tuan Yang di-Pertua,

Pada era globalisasi ini, kita telah pun diperkenalkan dan juga menguna pelbagai kaedah bayaran untuk membeli apa apa perkara. Sebagai contoh, membayar menggunakan e-wallet, qr pay ataupun bayaran online. Pada kali terakhir saya menggunakan perkhidmatan feri Pulau Pinang. Bayaran tunai adalah satu-satunya cara untuk membeli tiket. Selepas membayar, akan diberikan resit. Setelah itu, sepanjang perjalanan dari Kaunter tiket ke tempat menunggu feri akan terdapat banyak resit yang bersepah di kawasan jalan tersebut.

Pada kali terakhir saya melawat laman rasmi Penang Port, hebahan yang terkini tentang sistem bayaran online ataupun "*ferry- e ticketing*" adalah akan diperkenalkan. Kita diperkenalkan dengan sistem "*cashless payment*" ini dengan lebih menyeluruh waktu ketika dilanda wabak covid-19 iaitu pada tahun 2019. Malahan gerai gerai kecil yang terdapat di tepi jalan pun sudah mempunyai sistem bayaran cashless ataupun qr code, jadi Sistem Feri Pulau Penang ini seharusnya lebih proaktif, dan peka tentang peredaran teknologi yang sangat laju membangun ini.

Oleh kerana itulah, saya mencadangkan agar EXCO Pelancongan Negeri Pulau Pinang untuk bertindak menekankan pihak yang terlibat untuk mengadakan sistem bayaran secara atas talian (*online*) untuk memudahkan proses pembelian tiket dan juga mengurangkan pencemaran di kawasan sekitar jeti feri pulau pinang kerana ianya adalah penanda aras akan kebersihan di Pulau Pinang kepada para pelancong yang datang.

Kesimpulan

Sebagai kesimpulannya, setiap perkara yang dibawa oleh suara suara DUN yang hadir pada harini saya kira amat penting kerana kitalah generasi yang akan memimpin pada suatu hari nanti. Walaupun apa yang kami sampaikan di sini bukanlah satu kewajipan untuk pihak kerajaan negeri melaksanakannya tetapi percayalah, semua wakil DUN Sidang Muda yang hadir pada hari ini adalah Pemuda yang sentiasa mahukan kemajuan dan kebaikan untuk menyuburkan negeri Pulau Pinang ini.

Sekian, terima kasih.

Ikhwan Bin Zulkefli

N04 Permatang Berangan

Sidang Muda 2022/23

